

MPK turun harga permit niaga

Kuantan: Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menurunkan harga permit niaga antara RM50 hingga RM100 bagi setiap lot niaga untuk memastikan 2,100 peniaga di 36 bazar Ramadan tidak terlalu terbeban.

Yang Dipertuanya Datuk Fadzilla Salleh berkata, apabila harga permit murah secara tidak langsung peniaga akan menjual makanan dan minuman pada harga yang berpatutan dan tidak terlalu membebankan pengguna.

Katanya, sambutan terhadap bazar Ramadan di daerah ini sentiasa bertambah setiap tahun hing-

ga memaksa MPK meluluskan 36 tapak perniagaan tahun ini iaitu jumlah tertinggi yang pernah dicatat.

Menurutnya, tahun ini pihaknya juga menyediakan empat bazar Aidilfitri di bandar ini dan ter-

besar di Taman Kerang, seramai 300 peniaga yang menjual pelbagai kuih moden dan tradisional di empat lokasi terbabit.

"Saya berbangga dengan tahap disiplin peniaga di bazar Ramadan di daerah ini apabila mereka mematuhi semua syarat ditetapkan seperti berpakaian kemas, menutup mulut, menggunakan apron, sarung tangan dan topi," katanya.

FAKTA
Terdapat
2,100 peniaga
di 36 bazar
Ramadan
di bawah MPK

20-08-2017
Harian Metro